

65 siswa siswi Kolej Kediaman CD anjur Program Siswa Rintis Desa

NST 14 3 2014 9

KOTA KINABALU: Kira-kira 65 siswa siswi Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini telah mengadakan Program Siswa Rintis Desa (SIRINTIS) bertempat di Kampung Lormalong, Kunak.

Program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) kolej tersebut bertujuan memberi peluang kepada siswa siswi UMS untuk menyumbangkan bakti kepada penduduk di kawasan pedalaman melalui aktiviti kemasyarakatan.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman CD, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin, penglibatan siswa siswi dalam program itu dapat meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mereka terutama daripada aspek kepimpinan serta kerjasama berpasukan.

Jelasnya, program itu juga mampu mem-

beri pengalaman kepada para peserta dalam mengurus dan mengendalikan sesebuah program sebagai persediaan mereka menghadapi tuntutan kerjaya yang lebih mencabar kelak.

Menyentuh mengenai program selama tiga hari itu beliau berkata, penganjurannya adalah melibatkan murid-murid Sekolah Kebangsaan Lormalong dan Sekolah Kebangsaan Madai, Kunak dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang mampu mengembangkan kemahiran berfikir.

“Aktiviti-aktiviti pada program ini juga dapat membantu pelajar-pelajar sekolah rendah berkenaan untuk menangani masalah pembelajaran di dalam bilik darjah dengan lebih berkesan contohnya kesukaran dari segi menghafal pelajaran,” katanya.

Hadir sama pada program tersebut Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Sapawi Hj Ahmad.



INOVASI ... sebahagian inovasi yang dihasilkan oleh kumpulan pelajar.



TETAMU ... Sapawi (tengah) antara tetamu yang hadir pada majlis itu.



SISWA ... Sebahagian siswa siswi Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mengambil bahagian dalam program itu.